

**Adenan Terajui Portfolio Kewangan, Perancangan Sumber Dan Alam Sekitar
Bernama
3 Mac, 2014**

KUCHING, 3 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem hari ini mengumumkan beliau akan menerajui portfolio Kewangan dan Perancangan Sumber dan Alam Sekitar.

Adenan juga berkata beliau tidak lagi memegang jawatan Menteri Tugas-tugas Khas dalam rombongan kecil Kabinet negeri berkuat kuasa 1 Mac.

Ditanya kenapa tiada rombongan besar dilakukan terhadap Kabinet negeri, beliau berkata perkara itu tidak perlu kerana semua menteri menunaikan tugas mereka dengan baik.

"Seperti kata saya sebelum ini...apabila sesuatu itu berjalan dengan baik, teruskanlah saja. Kami sedang menuju arah yang betul, jadi kenapa perlu dibuat perubahan?" katanya pada sidang akhbar di bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak di sini Isnin.

Menurut Adenan, untuk sementara ini, jawatan Menteri Tugas-tugas Khas dibiarkan kosong, sehinggalah ia didapati perlu diisi.

Mengenai rancangan pelantikan seorang lagi Timbalan Ketua Menteri, beliau berkata perkara itu telah dipertimbangkan.

"Saya akan buat pengumuman mengenainya pada waktu dan di tempat yang sesuai. Tidak perlu terburu-buru tentang perkara ini," katanya.

Mengenai pilihan raya kecil Balingian pula, Adenan berkata pihaknya sedang menunggu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membuat pengumuman tentang hari penamaan calon dan tarikh pengundian.

"Kami yakin kami akan menang di Balingian kerana telah banyak kali memenangnya sebelum ini. Apabila tiba masanya, kami akan umumkan siapakah yang akan menjadi calon dan sebagainya.

"Beberapa nama telah dikemukakan kepada saya...Saya akan bincang dengan rakan-rakan yang lebih senior dalam Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dan Barisan Nasional (BN) mengenai orang yang paling sesuai," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018804>